



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 32/2009**

**Perletakhakan Tanah Atau Kepentingan Ke Atasnya Kepada Sesuatu
Pihak Berkuasa Awam Di Bawah Seksyen 415
Kanun Tanah Negara 1965**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 32/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 32/2009

Perletakhakan Tanah Atau Kepentingan Ke Atasnya Kepada Sesuatu Pihak Berkuasa Awam Di Bawah Seksyen 415 Kanun Tanah Negara 1965

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pentadbir-pentadbir Tanah tentang perlunya didaftarkan perletakhakan di bawah seksyen 415 Kanun Tanah Negara 1965 sebelum sesuatu Pihak Berkuasa awam yang menuntut faedah dari perletakhakan yang tidak berdaftar itu boleh membuat apa-apa urusan berkaitan dengan tanah atau kepentingan ke atasnya yang dituntut itu.

2. Menurut subseksyen 415(1) Kanun Tanah Negara 1965, sesuatu Pihak Berkuasa Awam yang menuntut faedah daripada perletakhakan yang tidak berdaftar boleh memohon supaya perletakhakan itu didaftarkan. Di bawah subseksyen 415(2) Kanun Tanah Negara 1965, Pendaftar atau Pentadbir Tanah Daerah boleh meminta bahawa Pihak Berkuasa tersebut telah mengambil milik tanah itu di bawah sesuatu perletakhakan yang tidak berdaftar tetapi belum lagi memajukan permohonan perletakhakan (Perletakhakan yang tidak berdaftar atau "*unregistered vesting*" adalah ditakrifkan di dalam subseksyen 414(1) Kanun Tanah Negara 1965).

3. Pihak Berkuasa awam yang memohon perletakhakan itu hendaklah menyiaran dalam *Warta Kerajaan Negeri* suatu notis permulaan dalam Borang 30A Kanun Tanah Negara 1965. Setelah tamat tempoh dua bulan dari tarikh penyiaran notis itu dalam *Warta Kerajaan Negeri*, Pihak Berkuasa awam itu hendaklah membuat permohonan perletakhakan yang tidak berdaftar itu secara bertulis kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah yang berkenaan. Permohonan ini hendaklah disertai dengan satu salinan notis permulaan Borang 30A Kanun Tanah Negara 1965 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri* itu.

4. Selepas Pendaftar atau Pentadbir Tanah menerima permohonan bertulis, ia adalah dikehendaki membuat ingatan dalam dokumen hakmilik daftaran seperti contoh berikut menurut perenggan 415(2)(a)(i) Kanun Tanah Negara 1965 melainkan ia telah menerima sesuatu bantahan ataupun setelah mengadakan siasatan ia berpuas hati bahawa tidak ada alasan berpatutan untuk bantahan itu:-

"Perletakhakan menurut kuat kuasa undang-undang Jilid No.: Folio No.: Tanah ini/Gadaian No. Perserahan: /Pajakan No. Perserahan: terletakhak kepada/telah dikembalikan kepada Negeri mulai daripada

Tarikh:

Tandatangan
Pendaftar/Pentadbir Tanah"

5. Tarikh perletakhakan itu mula berkuat kuasa seperti yang dicatatkan dalam ingatan di atas hendaklah sama dengan tarikh yang tersebut di perenggan 4 dalam notis permulaan Borang 30A Kanun Tanah Negara 1965 [Seksyen 415(1)(a)]. Jika Pihak Berkuasa yang menuntut itu Pihak Berkuasa Negeri, maka tanah tersebut akan menjadi tanah Kerajaan dan yang demikian menurut perenggan 415(2)(a)(ii) Kanun Tanah Negara 1965, dokumen hakmilik keluarannya jika ada, hendaklah dimusnahkan.

6. Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir-pentadbir Tanah hendaklah memastikan bahawa di dalam mana-mana suratcara urusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa awam, gelaran Pihak Berkuasa itu mestilah sama dengan gelaran di dalam Dokumen Hakmilik Daftaran.

7. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 11/1980 adalah dengan ini dibatalkan.


(DATO' ABD HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

No. Fail: JKPTG/101/KPU/799 Jld. 4

Tarikh: 31 Disember 2009